

**SISTEM *BI'NATTANG* ETNIK KIMARAGANG DI SABAH:  
SATU TINJAUAN SUSUN LAPIS SOSIAL PADA ZAMAN SILAM  
*BI'NATTANG SYSTEM OF ETHNIC KIMARAGANG SABAH:  
REVIEW OF THE SOCIAL STRATIFICATION BYGONE AGE***

**Victor B. Pangayan<sup>1</sup>  
A.S. Hardy Shafii<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>Universiti Malaysia Sabah, <sup>2</sup>Universiti Sains Malaysia  
vicktondig@gmail.com

Tarikh diterima: 29 Apr 2020 / Tarikh dihantar: 16 Mei 2020

---

**ABSTRAK**

Sistem *Bi'nattang* merupakan satu sistem sosial etnik Kimaragang. Etnik ini banyak menetap di daerah Kota Marudu dan sebahagian kecil lagi di daerah Pitas. Sistem *Bi'nattang* telah dipraktikkan oleh etnik Kimaragang pada tahun 1840–1845, iaitu sebelum kedatangan British di Borneo Utara. Kertas kerja ini akan membincangkan bentuk dan struktur sistem *Bi'nattang* dari segi susun lapis sosial, sistem kepimpinan, sistem kekeluargaan dan hubungan jantina yang diamalkan dalam sistem ini. Sehubungan itu, satu analisis ke atas struktur sistem *Bi'nattang* dibuat dengan mengupas susun lapis sosial, sistem kepimpinan, sistem kekeluargaan dan hubungan jantina dalam sistem *Bi'nattang*. Hasil kajian mendapati bahawa sistem *Bi'nattang* terbentuk berdasarkan norma, kepercayaan dan nilai yang diamalkan dalam kehidupan etnik Kimaragang (Bernardi, Gonzales & Requena, 2006). Pada masa kini, sistem *Bi'nattang* tidak lagi diamalkan oleh etnik Kimaragang namun, sebahagian adat dan undang-undangnya masih diteruskan. Kajian ini penting bagi memahami sistem pentadbiran tradisional etnik Kimaragang iaitu sistem *Bi'nattang*.

**Kata kunci:** Etnik Kimaragang, sistem *Bi'nattang*, sistem kepimpinan, sistem kekeluargaan, susun lapis sosial.

**ABSTRACT**

*The Bi'nattang System is a Kimaragang ethnic social system. This ethnic largely located in Kota Marudu District and a small part of Pitas District. The Bi'nattang system was practiced by the Kimaragang ethnic groups in 1840–1845, before the advent of the colonial powers in North Borneo. This paper will discuss the shape and structure of the Bi'nattang system in terms of social structure, leadership systems, family systems and gender relations practiced within the system. The results show*

*that the Bi'nattang system is based on the norms, beliefs and values practiced by the Kimaragang ethnic groups in their lives (Bernardi, Gonzales & Requena, 2006). To date, the Bi'nattang system is no longer practiced by the Kimaragang ethnic group, but some of its custom and laws are still practiced. This study is important for understanding the traditional organizational system of the Kimaragang ethnic group, the Bi'nattang system.*

**Keywords:** *Kimaragang ethnic, Bi'nattang system, leadership system, family system, social stratification.*

## PENGENALAN

Perkataan “etnik” membawa maksud sekelompok manusia yang menganggap diri mereka berasal daripada satu keturunan (Rotheram & S. Phinney, 1987) atau merujuk kepada sekumpulan manusia atau masyarakat yang berkongsi biologi, sejarah budaya dan keturunan (Scupin, 2003; Scupin & R. Decorse, 2001). Perkara ini menguatkan lagi penggunaan istilah etnik bagi mengelompokkan masyarakat Kimaragang sepanjang penyelidikan ini. Menurut banci penduduk oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2010, etnik Kimaragang mendiami daerah Kota Marudu dan Pitas (Pangayan, 2014; Pugh-Kitingan, 2016; R. Kroeger, 1993) seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1. Amalan pertanian tradisional etnik Kimaragang yang berpindah-randah menyebabkan petempatan mereka berkembang perlahan-lahan dan kini terdapat di dua daerah yang berbeza (Low Kok On & Pugh-Kitingan, 2015).



**Rajah 1** Kedudukan daerah Kota Marudu dan Pitas dalam peta Sabah  
*Sumber: Pangayan (2014)*


Beberapa kajian berkaitan dengan bahasa dan pertuturan etnik Kimaragang telah dijalankan oleh R. Kroeger (1985, 1988, 1993, 2005). Kajian berkaitan dengan “Muzik dan Tradisi Kulintangan Sabah” pada tahun 2003 pula, membincangkan berkaitan dengan kulintangan etnik Kimaragang (Low & Pugh-Kitingan, 2015). Selain itu, sebuah lagi kajian tentang kepercayaan etnik Kimaragang semasa menjalankan aktiviti pertanian, penyembuhan komunal dan ritual pembersihan telah dijalankan oleh Low dan Pugh-Kitingan (2015). Tarian tradisional etnik Kimaragang seperti tarian *Pinakang* dan *Mongilag* telah dibentangkan dalam beberapa persidangan (Pangayan *et al.*, 2018 & 2016). Pembentangan tentang tarian *Pinakang* dan *Mongilag* ini telah menyentuh sistem *Bi'nattang* etnik Kimaragang pada zaman silam secara ringkas.

Seperti etnik peribumi Sabah yang lain, etnik Kimaragang juga pada asalnya mendiami rumah panjang yang disebut sebagai *Bi'nattang* (Pangayan, 2014). Jika diteliti, rumah panjang memang popular sebagai bentuk petempatan etnik Kadazandusun yang terancang sejak zaman silam (Bahauddin *et al.*, 2015; Pugh-Kitingan, 2016; I.H.N., 2007). Walau bagaimanapun, perkaitan antara struktur sistem sosial dan penempatan ini jarang diketengahkan oleh pengkaji-pengkaji Kadazandusun secara terperinci. Etnik Kimaragang di daerah Kota Marudu dan Pitas mempunyai satu sistem khas yang diguna pakai dalam pentadbiran sesebuah *Bi'nattang* mengekodkannya sebagai sistem *Bi'nattang*. Sistem ini terbentuk hasil daripada tindak balas terhadap corak kehidupan dan keperluan sosial etnik Kimaragang dalam *Bi'nattang* pada ketika itu.

### **Struktur Sistem *Bi'nattang* Etnik Kimaragang**

Sekitar tahun 1830–1845, kawasan Kota Marudu bebas daripada pengaruh dan penguasaan kuasa-kuasa asing seperti British dan Jepun (Manshur, 2003). Pada ketika itu, bentuk sistem pemerintahan dan pentadbiran adalah berdasarkan kepada ketua suku (Hj. Lokin, 2007). Menurut Jubin Umbang (informan), pada masa ini juga, etnik Kimaragang mengamalkan struktur susun lapis sosial yang praktik dalam petempatan berbentuk rumah panjang atau disebut *Bi'nattang* oleh etnik Kimaragang. Gunsalam Ungus (informan) menjelaskan, sebuah *Bi'nattang* terbentuk daripada 20 hingga 40 buah rumah yang dibina bersambung-sambung antara satu dengan yang lain dan setiap satu rumah mewakili satu keluarga. Setiap satu rumah dalam *Bi'nattang* akan digelar “pintu”. Jumlah “pintu” yang terdapat dalam sesebuah rumah panjang adalah tidak dirancang dan boleh bertambah dari semasa ke semasa.

Gunsalam Ungus (informan) juga menyatakan bahawa setiap *Bi'nattang* bersifat seperti sebuah kampung kerana jumlah penduduk yang ramai dan mempunyai seorang ketua yang dikenali sebagai *woyo'on tagayo* yang berpengaruh dan disegani. Kepimpinan seorang *woyo'on tagayo* disokong penuh oleh golongan pahlawan yang disebut sebagai *randawi do royo'on*. Aspek spiritual dan keagamaan pula diketuai oleh golongan *bolungkitas* dengan dibantu oleh golongan *bobolian*. Golongan diperintah atau pengikut pula terdiri daripada golongan *ongo tutuwo*, *rara'a* dan *wawayoi* serta golongan *tongo tanganak*. Secara keseluruhannya, susun lapis sistem *Bi'nattang* digambarkan dalam Rajah 1.



**Rajah 1** Struktur sistem *Bi'nattang* etnik Kimaragang

Menurut Jubin Uambang (informan), perkataan “*Woyo'on*” membawa maksud “ikutan” dan “*tagayoh*” bermaksud “besar”. Gabungan perkataan ini membawa maksud orang besar yang berpengaruh dan menjadi tempat orang mendapatkan perlindungan daripada serangan *sangod* pada masa dahulu. Seorang *woyo'on tagayo* adalah dipercayai seorang *randawi do royo'on* yang cukup handal dan tangkas. Biasanya, rumah *woyo'on tagayoh* terletak di bahagian tengah rumah panjang dan merupakan titik bermulanya sesebuah *Bi'nattang*. Menurut Gunsalam Ungus (informan), seorang *woyo'on* mendirikan rumah, kemudian seorang demi seorang pengikutnya akan datang meminta izin untuk membuat rumah sama ada di bahagian kiri atau kanan rumah *woyo'on* tersebut. Proses ini disebut sebagai *sumuput*. Jumlah pengikut yang datang dan *sumuput* bertambah dari semasa ke semasa. Perkara ini membuktikan jumlah penghuni dalam sesebuah *Bi'nattang* itu boleh bertambah dari semasa ke semasa.

Jamaron Inawan (informan) pula menjelaskan bahawa *randawi do royo'on* adalah barisan pertahanan utama dalam sesebuah *Bi'nattang* untuk menghadang daripada serangan *sangod*. Barisan *randawi do royo'on* biasanya terdiri daripada golongan anak muda yang mempunyai keistimewaan dalam ilmu pertahanan diri. Mereka dipercayai mempunyai kuasa ghaib dan kekuatan yang luar biasa. Menurut Jamaron Inawan (informan) lagi, antara keistimewaan seorang *randawi do royo'on* ialah kebal daripada serangan senjata, mampu melompat hingga mencecah awan dan melangkau beberapa puncak bukit dengan sekali lompatan. Selain itu, kemahiran *randawi do royo'on* juga digambarkan dengan kepantasan pergerakannya dan kecekapan bermain senjata dan ilmu serang hendap yang luar biasa. Kemahiran ini penting dan perlu dikuasai oleh *randawi do royo'on* kerana biasanya *randawi do royo'on* akan berperang secara bersendirian atau berdua sahaja.

*Bolungkitas* merupakan ketua upacara dan penasihat keagamaan yang paling penting dalam sistem *Bi'nattang*. Berdasarkan kenyataan Dulina Yansau (informan), golongan *bolungkitas* biasanya terdiri daripada golongan wanita yang berusia 40 tahun ke atas dan sudah menguasai seluruh *rineet* serta boleh mengendalikan semua upacara keagamaan. Golongan ini merupakan benteng pertahanan spiritual seluruh penduduk *Bi'nattang*, termasuk *woyo'on tagayo* dan *randawi do royo'on*. Peranan utama golongan *bolungkitas* adalah memastikan keseimbangan alam manusia dan alam ghaib (Pugh-Kitingan, Hussin & John Baptist, 2009) agar kehidupan antara kedua-dua alam ini terjaga dan seimbang dengan menggariskan pantang larang yang perlu dipatuhi oleh kesemua penduduk *Bi'nattang*. Menurut Dulina Yansau (informan) lagi, golongan *bobolian* dilatih sebagai pelapis untuk memastikan ajaran, upacara dan pantang larang yang digariskan oleh *bolungkitas* dapat diteruskan agar keseimbangan kedua-dua alam terpelihara.

Rondikum Yangang (informan) pula mengatakan bahawa seorang *bobolian* atau pelatih pengendali upacara kebanyakannya adalah golongan wanita yang berlatih sejak usia 12 tahun. Perkara ini adalah disebabkan oleh proses menghafal dan menguasai *reneet*<sup>2</sup> yang mencabar dan memerlukan masa yang panjang untuk dikuasai sepenuhnya. Bagi golongan wanita etnik Kimaragang, menjadi seorang *bobolian* atau *bolungkitas* adalah satu pencapaian tertinggi bagi mereka kerana seorang *bobolian* atau *bolungkitas* akan dipandang tinggi oleh seluruh penghuni *Bi'nattang*. Penguasaan *reneet* dan kemahiran mengendalikan upacara ritual dalam kalangan wanita etnik Kimaragang menjadi pengukur kepada perkembangan intelektual mereka dalam konteks kepercayaan dan keagamaan.

Gunsalam Ungus (informan) menyatakan bahawa satu lagi golongan yang dikira penting dalam sistem *Bi'nattang* ialah golongan *o'ngo tutuo*. Golongan ini merupakan penduduk *Bi'nattang* yang terdiri daripada lelaki dan wanita berusia 40 tahun ke atas. Perkataan "*o'ngo tutuo*" dalam dialek etnik Kimaragang membawa maksud "golongan tua" atau "orang-orang tua". Golongan ini berperanan sebagai penasihat kepada *woyo'on tagayo* dalam mengendalikan pentadbiran sebagai ketua *Bi'nattang*. Nasihat dan buah fikiran daripada golongan *o'ngo tutuo* diambil kira oleh *woyo'on tagayo* dalam membuat keputusan bagi satu-satu perkara kerana pandangan yang dilontarkan oleh golongan ini adalah berdasarkan kepada kepakaran dan pengalaman hidup mereka.

Selain itu, golongan yang berperanan sebagai pelapis dan pewaris kepada kebudayaan dan sistem ini adalah golongan belia dan kanak-kanak yang dipanggil golongan *komulakan*. Golongan *komulakan* ini terbahagi kepada dua peringkat, iaitu peringkat kanak-kanak atau *tongo tanganak* dan juga golongan remaja lelaki yang disebut sebagai *wawayoi dan* bagi remaja wanita yang dipanggil *rara'a*. Menurut Kansina Abit (informan), golongan *komulakan* ini masih dalam proses untuk mempelajari satu-satu bidang kemahiran yang diminati oleh mereka. Biasanya golongan *rara'a* akan mempelajari kemahiran *mangawol* (menenun) dan *moningkor* (membuat benang) sambil mempelajari *reneet*, iaitu bidang kepakaran *bobolian*. Golongan *wawayoi* pula akan mempelajari teknik berburu atau mempertahankan diri dan ilmu-ilmu perang ke arah bidang kepakaran *randawi do'royo'on*.

Keistimewaan dan peranan setiap golongan dalam sistem *Bi'nattang* menampakkan sistem ini sebagai sebuah rangka pentadbiran yang ringkas dan lengkap, bersesuaian dengan corak hidup dan sistem sosial etnik Kimaragang pada zaman silam. Setiap golongan dalam sistem *Bi'nattang* mempunyai peranan dan fungsinya yang tersendiri dan sering melengkapi antara satu dengan yang lain. Secara tidak langsung, sistem *Bi'nattang* menunjukkan corak kehidupan dan sistem sosial yang ringkas dalam satu sistem pentadbiran yang unik dan melengkapi keperluan etnik Kimaragang pada ketika itu. Oleh itu, kebanyakan perkampungan etnik Kimaragang pada zaman silam menggunakan sistem *Bi'nattang* sebagai sistem pentadbiran mereka.

### **Struktur Kepimpinan dalam Sistem *Bi'nattang***

Sistem *Bi'nattang* yang diamalkan oleh etnik Kimaragang pada zaman silam adalah lebih dekat kepada sistem egalitarian yang diamalkan oleh kebanyakan etnik Dusunik (Pugh-Kitingan, 2016). Perkara ini menjadi amalan dalam

pemilihan *woyo'on tagayoh* oleh pengikut-pengikutnya yang bukan berdasarkan kepada sistem hierarki tetapi berdasarkan kepada pengaruh dan kebolehan seseorang untuk menjadi pelindung. Antara calon-calon yang sering dipilih menjadi sebagai *woyo'on tagayoh* adalah terdiri dalam kalangan *randawi do royo'on* yang paling handal, tangkas dan sakti. Situasi ini menjelaskan bahawa sistem kepimpinan *Bi'nattang* adalah tidak formal dan mengangkat sesiapa sahaja yang mempunyai kelebihan dan keistimewaan sebagai orang yang disegani dan bukan berdasarkan kepada status keturunan.

Rondikum Yangang (informan) menjelaskan bahawa organisasi *bobolian* mempunyai perbezaan dalam soal pewarisan kemahiran dan kepakaran kerana mereka mempunyai sistem yang tersendiri. Biasanya, seorang *bolungkitas* akan lebih cenderung mewariskan kemahiran, kepakaran dan *reneet* kepada anak perempuan atau cucu perempuannya. Perkara ini adalah disebabkan oleh sistem kefahaman dan esoterik yang kadangkala lebih mudah dilaksanakan kepada pewaris terdekat. Namun begitu, *bolungkitas* tidak hanya diwarisi secara hierarki tetapi atas usaha dan minat yang mendalam seseorang *bobolian*. Secara tidak langsung, sistem hierarki yang terdapat dalam sistem pewarisan golongan *bobolian* juga kurang konkrit. Tanggungjawab kepimpinan *woyo'on tagayoh* dan golongan *bolungkitas* dan *bobolian* digalas seumur hidup selagi mereka masih mampu melaksanakannya.

### **Struktur Kekeluargaan dalam Sistem *Bi'nattang***

Sistem *Bi'nattang* menerapkan sistem kekeluargaan yang berbentuk dwisisi atau kognatik seperti yang banyak diamalkan oleh keluarga etnik Dusunik yang lain (Pugh-Kitingan, 2016). Bermakna, kedua-dua belah pihak antara ibu dan bapa sama penting dalam susur galur keluarga. Perkara ini membentuk peraturan eksogami yang hanya membenarkan perkahwinan antara pasangan yang tidak mempunyai talian persaudaraan yang rapat (Abdulah *et al.*, 2010). Struktur kekeluargaan yang diamalkan dalam sistem *Bi'nattang* merujuk kepada istilah kedudukan dan pangkat seseorang dalam keluarga seperti (Jadual 1). Istilah ini amat penting bagi mengenal pasti kedudukan dan keluarga seseorang dalam proses mencari jodoh atau mencari calon menantu.

**Jadual 1** Istilah persanakan etnik Kimaragang


Hubungan	Kata Rujukan	Kata Panggilan
Moyang lelaki	<i>Taki' Lombus</i>	<i>Yaki' /Aki'</i>
Moyang perempuan	<i>Todu' Lombus</i>	<i>Yodu' /Odu'</i>
Nenek lelaki	<i>Taki'</i>	<i>Yaki' /Aki'</i>
Nenek perempuan	<i>Todu'</i>	<i>Yodu' /Odu'</i>
Ibu	<i>Tidi'</i>	<i>Iyai /idi'</i>
Bapa	<i>Tama'</i>	<i>Apa' /Ama'</i>
Anak lelaki	<i>Tanak do' Kusai</i>	<i>Uku' /Oto' /Nama</i>
Anak perempuan	<i>Tanak do' Tongondu</i>	<i>Ugou /Nama</i>
Abang/Kakak	<i>Yaka'</i>	<i>Yaka' /Nama</i>
Adik lelaki/Perempuan	<i>Yadi'</i>	<i>Yadi' /Nama</i>
Bapa Saudara	<i>Kamaman</i>	<i>e' Maman /Aman</i>
Ibu Saudara	<i>Kominan</i>	<i>Inan</i>
Sepupu lelaki/Perempuan	<i>Pinsan</i>	<i>Insan</i>
Sepupu kedua	<i>Pinas koinduo</i>	
Sepupu ketiga	<i>Pinas kointolu</i>	
Sepupu keempat	<i>Pinas koingapat</i>	
Anak saudara lelaki/perempuan	<i>Monong kominan /Monong aman</i>	<i>Aman /Nama</i>
Cucu lelaki	<i>Monong aki'</i>	<i>Maki' /Nama</i>
Cucu perempuan	<i>Monong odu'</i>	<i>Maki' /Nama</i>
Cicit lelaki	<i>Monong muaki'</i>	<i>Maki' /Nama</i>
Cicit perempuan	<i>Monong modu'</i>	<i>Odu' /Nama</i>

Berdasarkan Jadual 1, golongan anak, cucu atau cicit tidak memanggil ibu bapa, datuk, nenek serta moyang mereka dengan menyebut nama secara terus tetapi menggunakan istilah atau kata ganti nama khas. Menurut Gunsalam Ungus (informan), seorang anak tidak boleh menyebut nama bapa atau ibunya secara sengaja atau tujuan untuk diperolok-olokkan kerana dipercayai akan *owusung*. Perkara ini secara tidak langsung menanamkan rasa hormat dalam kalangan generasi muda, iaitu anak kepada golongan yang lebih tua seperti ibu, bapa, datuk dan nenek. Walau bagaimanapun, datuk nenek akan memanggil cucu mereka dengan gelaran *Odu* bagi cucu perempuan dan *Maki* bagi cucu lelaki. Ibu bapa pula boleh menggelar anak mereka dengan nama secara langsung ataupun nama timangan, iaitu *Uku'* atau *Oto'* bagi anak lelaki dan *Ugou* bagi anak perempuan.

Dalam sistem kekeluargaan etnik Kimaragang, sistem dwisisi sememangnya menjadi panduan dalam pembahagian harta pusaka mahupun susur galur keturunan. Walau bagaimanapun, etnik Kimaragang menggunakan konsep patrilineal, iaitu memberi keutamaan kepada kaum lelaki untuk memimpin.



Konsep ini dipraktikkan bukan sahaja di peringkat kekeluargaan tetapi juga di peringkat pentadbiran kampung. Namun, kehadiran wanita sebagai pakar upacara ritual yang penting dalam kehidupan etnik Kimaragang mengimbangi struktur organisasi pentadbiran sistem *Bi'nattang*.



**Rajah 3** Hubungan kekeluargaan dan persaudaraan dalam sistem *Bi'nattang*.

Rajah 3 menunjukkan hubungan persaudaraan dan kekeluargaan dalam sistem *Bi'nattang* yang masih diamalkan oleh etnik Kimaragang sehingga kini. Sistem kekeluargaan etnik Kimaragang bermula dengan *puruan* yang membawa maksud “pokok utama” atau asas kepada sebuah kekeluargaan. Biasanya *puruan* merujuk kepada *taki'* (datuk) dan *todu'* (nenek) yang menjadi asas kepada sesebuah keluarga. Kemudian, diikuti dengan ibu bapa serta adik-beradik mereka yang dikenali sebagai *kamaman* (bapa saudara) atau *kominan* (ibu saudara). Seterusnya, pangkat *pinsan* (sepupu) dianggap sebagai pertalian adik-beradik dan mempunyai hubungan darah yang rapat.

### Hubungan Gander dalam Sistem *Bi'nattang*

Jika diperhatikan dengan teliti dalam sistem *Bi'nattang*, peranan lelaki dan wanita adalah sama penting dan sering melengkapinya antara satu dengan yang lain. Tinjauan perpustakaan ke atas hubungan gander dalam kalangan etnik Kadazandusun mendapati mereka tergolong dalam simetri seksual atau keseksamaan antara lelaki dan wanita (Porodong, 2001; Pugh-Kitingan, 2016). Perkara ini jelas dalam sistem *Bi'nattang* melalui pentadbiran yang meletakkan *bolungkitas* dan *bobolian* setaraf dengan *woyo'on tagayo* dan *randawi do royo'on* dengan peranan dan

fungsi yang tersendiri. Secara tidak langsung, penghormatan yang sewajarnya diberikan kepada kaum wanita dan lelaki dalam sistem *Bi'nattang*.


Selain itu, melalui adat perkahwinan etnik Kimaragang yang diamalkan dalam sistem *Bi'nattang* juga menggambarkan kesaksamaan antara jantina dengan mewujudkan *berian*<sup>3</sup>. Bagi etnik Kimaragang, *berian* adalah syarat wajib yang perlu dipenuhi oleh pihak lelaki dan perlu diserahkan kepada keluarga pengantin perempuan sebelum majlis perkahwinan berlangsung. Pemberian *berian* ini merupakan simbolik nilai yang amat tinggi bagi seseorang wanita etnik Kimaragang yang ingin dikahwini. Ia bertujuan agar pihak lelaki menghargai bakal isterinya apabila sudah bergelar suami isteri kelak.

Pembangunan sumber ekonomi keluarga etnik Kimaragang dalam sistem *Bi'nattang* turut menampakkan kesaksamaan antara lelaki dan wanita. Biasanya, suami dan isteri akan berkongsi aktiviti pertanian domestik, iaitu penanaman padi sebagai sumber ekonomi utama mereka (Hussin, 2005). Suami akan membuat kerja-kerja berat seperti menebang pokok, membajak sawah, membuat permatang dan membakar kawasan tapak penanaman. Isteri pula menyediakan tapak semaian, membersihkan belukar dan memindahkan anak padi ke tempat semaian baharu. Aktiviti ini menunjukkan bahawa kedua-dua gender ini adalah saling melengkapi.

Melalui tiga aspek yang dilihat dalam sistem *Bi'nattang*, iaitu sistem pentadbiran, kekeluargaan dan ekonomi, menunjukkan hubungan gender yang begitu baik dan saksama secara tidak langsung diaplikasikan dalam sistem ini. Kesaksamaan dan simetri seksual dalam kalangan etnik Kimaragang sebenarnya sudah diamalkan sejak zaman silam seperti yang diamalkan oleh keluarga etnik Kadazandusun lain di Sabah.

## KESIMPULAN

Sistem *Bi'nattang* telah menggabungkan tiga jenis sistem sosial yang menjadi asas kepada pembentukannya. Sistem yang pertama boleh dilihat dalam pemilihan pemimpin dalam keluarga, kelompok kecil sehinggalah ke pemilihan ketua kampung atau ketua puak mereka yang bercorak patrilineal. Walau bagaimanapun, pemilihan pemimpin ini adalah bersifat terbuka kepada sesiapa sahaja yang layak tanpa melihat keturunan dan latar belakang individu tersebut. Perkara ini menunjukkan bahawa etnik Kimaragang mengamalkan hak kesamarataan dalam menjadi pemimpin dan situasi ini bercorak egalitarian. Dari segi pewarisan dan keturunan pula, etnik Kimaragang lebih saksama iaitu mementingkan hak kesamarataan antara wanita dan lelaki yang menyerupai bentuk sistem kognatik. Perkara ini ditunjukkan dengan jelas dalam Rajah 4.



**Rajah 4** Pembentukan sistem *Bi'nattang*

Secara keseluruhannya, sistem *Bi'nattang* mempunyai susun lapis yang ditentukan berdasarkan kepada norma, kepercayaan dan nilai kehidupan bermasyarakat etnik Kimaragang itu sendiri (Bernardi *et al.*, 2006). Setiap kolompok dalam susun lapis ini adalah saling melengkapi dan memerlukan antara satu dengan yang lain dalam menggerakkan sistem ini dengan lebih berkesan. Namun, akhirnya sistem ini mengalami revolusi seiring dengan revolusi kependudukan yang diterapkan perlahan-lahan oleh British bermula tahun 1845 (Manshur, 2003; Pangayan, 2014). Kini, sistem *Bi'nattang* tidak lagi diamalkan secara langsung oleh etnik Kimaragang dan hanya sesetengah adat istiadat yang terkandung dalam sistem *Bi'nattang* dijadikan panduan dan rujukan oleh etnik Kimaragang.

#### NOTA

<sup>1</sup> Musuh yang menyerang perkampungan dan menjadikan anak dara sebagai korban (memenggal) kepala (Pangayan, 2014).

<sup>2</sup> Ejaan bunyi *e* taling biasanya dieja dengan “e” dalam bahasa Kimaragang (R. Kroeger, 1988).

<sup>3</sup> Hantaran perkahwinan.

## RUJUKAN

- Abdulah, F., Musa, M. Z., & Mat Zain, F. (2010). Perkahwinan dan keluarga dalam masyarakat cam. *SARI - International Journal of the Malay World and Civilisation*, 28 (2), 155–173.
- Bahauddin, A., Abdullah, A., & Maliki, N. Z. (2015). The Rungus longhouse of Sabah, Malaysian Borneo – A dying architecture. *SHS Web of Conferences*, 18, 02002. <https://doi.org/10.1051/shsconf/20151802002>
- Bernardi, F., Gonzales, J. J., & Requena, M. (2006). The sociology of social structure. In B. Bryant & D. Peck (Eds.). *Century Sociology: A Reference Handbook* (pp. 162–170). Newbry: SAGE Publication.
- Hj. Lokin, S. A. (2007). *Perubahan sosioekonomi dan pentadbiran masyarakat peribumi Sabah (1881–1963)*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Hussin, H. (2005). Ritual padi komuniti Kadazan Dataran Penampang, Sabah. *Journal of Southeast Asian Studies (JATI): Universiti Malaya*, 10, 171–203. Dilayari daripada [http://e-journal.um.edu.my/public/issue-view.php?id=365&journal\\_id=39](http://e-journal.um.edu.my/public/issue-view.php?id=365&journal_id=39). pada 3 Mei 2019.
- I.H.N., E. (2007). *The religion of the Tempasuk Dusuns of North Borneo*. Kota Kinabalu: Opus Publication.
- Low Kok On & Pugh-Kitingan, J. (2015). The impact of Christianity on traditional agricultural practices and beliefs among the Kimaragang of Sabah: A preliminary study. *Asian Ethnology*, 74 (2), 401–424. <https://doi.org/10.18874/ae.74.2.08>. pada 20 Mei 2019.
- Manshur, K. (2003). *Perjuangan Syarif Usman di Kota Marudu, 1830–1845*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Pangayan, V. (2014). *Tarian Pinakang etnik Kimaragang: Konteks persembahan dan perubahan kostum*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Pangayan, V. B., Shafii, A. S. H., & Low Kok On. (2018). Tarian Mongilag: Refleksi Kepahlawanan Etnik Kimaragang dalam Konteks Tradisi Lisan. In Low Kok On, M. Z. Mat Kib, G. Saat, H. Jusilin, J. Pugh-Kitingan, N. Salleh, ... Ak. Ab Hasnim Dg. Ab. Ghani (Eds.). *Persidangan Antarabangsa Sejarah, Warisan & Folklor Nusantara (PASWFN)* (pp. 423–427). Kota Kinabalu, Sabah: Universiti Malaysia Sabah.
- Pangayan, V., Shafii, A. S. H., & Kok On, L. (2016). Tarian Pinakang etnik Kimaragang di Sabah: Analisis konsep persembahan dan ragam gerak. Dlm. L. Kok On, J. Humin, C. C. Sim, I. Ismail, S. J. J. C, B. A. Bromeo, & I. A. Achin (Eds.). *International Conference on the Heritage and Folklore of the Malay Archipelago: Haritage and Identity* (pp. 428–432). Kota Kinabalu, Sabah: Borneo Heritage Research Unit, Faculty of Humanities, Arts and Heritage, Universiti Malaysia Sabah.
- Porodong, P. (2001). Bobolizan, forests and gender relations in Sabah, Malaysia. *Gender, Technology and Development*, 5 (1), 63–90.
- Pugh-Kitingan, J. (2016). *Kadazan Dusun*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.

- Pugh-Kitingan, J., Hussin, H., & John Baptist, J. (2009). Symbolic articulation of interactions between the seen and unseen through gong music and dance in the Lotud Mamahui Pogun. *Borneo Research Journal*, 3(1), 221–237. Dilayari daripada [http://e-journal.um.edu.my/public/issue-view.php?id=1351&journal\\_id=40](http://e-journal.um.edu.my/public/issue-view.php?id=1351&journal_id=40) pada 15 Mei 2019.
- R. Kroeger, P. (1985). Linguistic relations among the Dusunic groups in the Kota Marudu District. *Borneo Research Bulletin*, 17(1), 31–46.
- R. Kroeger, P. (1988). Verbal focus in Kimaragang. *Western Austronesian Linguistics*, 3 (78), 217–240. <https://doi.org/10.15144/PL-A78.217>.
- R. Kroeger, P. (1993). Kimaragang Phonemics. In M. E. Boutin & I. Pekkanen (Eds.). *Sabah Museum Monograph*, 4, (pp. 31–46). Kota Kinabalu: Sabah Museum.
- R. Kroeger, P. (2005). Kimaragang. In Sander Adelaar & Nikolaus Himmelmann (Ed.). *The Austronesia Language of Asia and Madagascar* (pp. 397–428). London & New York: Routledge.
- Rotheram, M. J., & S. Phinney, J. (1987). Introduction: Definition and perspectives the study of children’s ethnic socialization. In J. S. Phinney & M. J. Rotheram (Eds.). *Children’s Ethnic Socialization Pluralism and Development* (pp. 10–28). United State of America: SAGE Publication.
- Scupin, R., & R. Decorse, C. (2001). *Anthropology a global perspective* (4th ed.). United State of America: Prentice Hall, Inc.
- Scupin, R., & R. Decorse, C. (2003). *Cultural anthropology a global perspective* (5th ed.). United State of America: Prentice Hall, Inc.

### Senarai Informan

	<b>Nama</b>	<b>Umur</b>	<b>Pekerjaan</b>
1.	Dulina Yansau (Mendiang)	89	<i>Bolungkitas</i>
2.	Gunsalam Ungus	79	Bekas Ketua Anak Negeri, Daerah Kota Marudu
3.	Jamaron Inawan	62	Pemain alat muzik tradisional
4.	Jubin Uembang (Mendiang)	89	Bekas Ketua Kampung
5.	Rondikum Yangang (Mendiang)	79	<i>Bobolian</i>

